

→ ULANG TAHUN

Reaksi



Sambutan Ulang Tahun UMNO Ke-71 adalah simbolik penyatuan dan kekuatan UMNO”

Tan Sri Shahrizat Abdul Jalil,
Ketua Wanita UMNO



Ternyata di saat UMNO dan pemimpinnya teruk difitnah, kekentalan dan kesetiaan ahli parti tetap membara”

Datuk Dr Mohd Puad Zarkashi,
Ahli Majlis Tertinggi UMNO merangkap Ketua Pengarah Jabatan Hal Ehwal Khas



Perjuangan UMNO adalah untuk rakyat dan terbukti kita dapat bersatu menghadapi pelbagai cabaran”

Datuk Seri Azalina Othman Said,
Ahli Majlis Tertinggi UMNO merangkap Menteri di Jabatan Perdana Menteri

Pemimpin parti terus diberi kepercayaan akar umbi

→ Perhimpunan medan kukuh kedudukan, terus raih sokongan

Oleh Nazura Ngah
nazura_ngah@bh.com.my

✦ Kuala Lumpur

UMNO perlu terus membina kekuatan dan pada masa sama harus dilihat kuat oleh musuh politiknya bagi menghadapi Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU-14), sekali gus kekal sebagai parti teras kepada kerajaan.

Sokongan 140,000 ahli dan penyokong UMNO yang diterjemahkan menerusi gelombang merah di Stadium Nasional Bukit Jalil, kelmarin, adalah penanda aras penting bahawa kepemimpinan tertinggi parti itu mendapat kepercayaan pada peringkat akar umbi.

Gambarkan kekuatan UMNO

Penganalisis politik yang juga Pensyarah Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Madya Mohd Izani Mohd Zain, berkata perhimpunan itu membantu menggambarkan kekuatan UMNO dan dalam konteks

persaingan politik masa kini, persepsi seumpama itu tidak boleh dielakkan.

Katanya, kekuatan sebenar UMNO adalah sokongan rakyat pada pilihan raya dan parti itu bukan saja perlu mendapat sokongan dalam kalangan ahli, sebaliknya perlu meraih sokongan orang Melayu dan rakyat.

Katanya, UMNO tidak boleh hanya bersandar kepada kekuatan ahli semata-mata kerana kekuatan parti itu adalah kunci kejayaan Barisan Nasional.

“Membina kekuatan dan persepsi UMNO adalah parti yang kuat perlu berjalan serentak serta seiring... perlu kuat dan dilihat kuat. Kita perlu mewujudkan persepsi yang baik atau *feel good factor*.”

“Namun jika parti itu kuat dan kukuh, persepsi akan datang sendiri. Apa yang dilakukan UMNO dalam perhimpunan itu adalah strategi yang baik untuk menyerahkan kekuatan dan memperkuatkan persepsi rakyat.

“Perhimpunan itu juga tepat

pada masanya bagi menggambarkan kekuatan UMNO ketika berlaku krisis dalam kalangan parti pembangkang,” katanya.

Kembalikan keyakinan rakyat

Sementara itu, pakar geostrategis, Azmi Hassan, berkata jumlah yang hadir pada perhimpunan itu adalah penanda aras penting bagi memberi isyarat kepemimpinan tertinggi UMNO mendapat kepercayaan ahli akar umbi.

Katanya, tidak dinafikan perhimpunan itu adalah untuk memamerkan keutuhan UMNO sebagai sebuah parti politik.

“Senario ini penting kerana rakyat disogok dengan persepsi bahawa UMNO lemah kerana pemimpin tiada sokongan.

“Kekuatan yang dipamerkan akan memberi keyakinan kepada rakyat bahawa UMNO bersedia menghadapi cabaran PRU akan datang kerana selama ini rakyat resah dengan perkhayaban UMNO berada dalam keadaan kucar kacir,” katanya.